



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT JAWATANKUASA KIRA-  
KIRA WANG NEGARA**

*Tel* : 03-2601 7263/ 2698 6852(DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

8 Jun 2023

## **KENYATAAN MEDIA**

### **YB DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Assalammualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera kepada YB Wong Shu Qi, Naib Pengerusi PAC dan Ahli-ahli PAC yang dapat hadir dalam sidang media pertama PAC pada hari ini. Terima kasih kepada rakan-rakan media yang dapat hadir dalam sidang media PAC ini.

- 1) Ini adalah sidang media pertama PAC Parlimen penggal ke 15 selepas Jawatankuasa ini secara rasmi dibentuk dengan pelantikan ahli-ahli oleh Majlis Dewan Rakyat pada 24 Mei 2023. Sebelum ini, saya dan YB Wong telah dipilih oleh Majlis Dewan Rakyat sebagai Pengerusi dan Naib Pengerusi PAC dalam usul yang dibawa YAB Perdana Menteri yang kemudian disokong oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 3 April 2023.
- 2) Sebaik PAC dibentuk, saya memanggil mesyuarat pertama pada 6 Jun 2023 dengan mendapatkan taklimat daripada Sekretariat PAC sebelum kemudian pada 7 Jun iaitu semalam daripada Jabatan Audit Negara dan pada hari ini, daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- 3) Walaupun saya adalah Ahli Dewan Rakyat daripada blok Pembangkang tetapi sebagai Pengerusi PAC saya memberi jaminan kepada semua rakan-rakan saya dalam PAC bahawa PAC akan terus berfungsi sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat yang neutral, bersifat *non partisan*. Malah, saya juga mengingatkan rakan-rakan PAC supaya meninggalkan sebarang betuk ideologi politik atau kepartian apabila berada dalam PAC atau ketika bercakap sebagai Ahli PAC. Inilah yang menjadi kekuatan PAC sebagai

sebuah Jawatankuasa Pilihan yang menjadi model kepada penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Dewan Rakyat.

- 4) Malah, jika diteliti dalam Terma Rujukan JKPK yang baru, JKPK tidak boleh melibatkan apa-apa perkara yang telah, sedang dan akan dibincangkan oleh PAC. Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat sendiri dalam pertemuan saya dengan beliau memberi jaminan akan merujuk kepada saya terlebih dahulu sebagai Pengerusi PAC berhubung perkara-perkara yang hendak dibawa oleh JKPK sama ada perkara berkenaan telah, sedang dan akan dibincangkan oleh PAC.
- 5) Untuk makluman rakan-rakan media, komposisi bagi Ahli PAC ialah 8 Ahli Dewan Rakyat daripada pihak Kerajaan dan 4 Ahli Dewan Rakyat daripada Pembangkang. Walaupun jumlah pembangkang yang lebih sedikit, saya ambil pendekatan untuk mendengar pendapat dan maklum balas daripada semua Ahli PAC dengan semua keputusan diputuskan secara konsensus.

### **Topik Prosiding PAC**

- 6) Menyentuh mengenai perbahasan usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2 yang dibentangkan Kerajaan pada Selasa lalu, walaupun blok Pembangkang membuat keputusan untuk tidak berbahas mengenai usul berkenaan kerana bersetuju supaya pihak berkuasa mengambil segala tindakan yang dilaporkan dalam LKAN, ia tidak bermakna saya dan PAC mengabaikan isu-isu yang dibangkitkan Ahli-Ahli Dewan Rakyat ketika perbahasan usul berkenaan.
- 7) Perlu saya tegaskan bahawa PAC mempunyai kuasa yang amat luas bukan sahaja dalam Peraturan Mesyuarat 77 (1)(c) tetapi juga dalam Arahan Perbendaharaan dan juga Pekeliling Am JPM.
- 8) Malah, PAC satu-satunya Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat yang mempunyai kuasa khusus di bawah Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Am JPM untuk memanggil Pegawai Pengawal atau Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian untuk hadir di hadapan Jawatankuasa ini.
- 9) Atas sebab itu, selepas mendengar sesi taklimat Jabatan Audit Negara berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 semalam. Kami, PAC membuat keputusan untuk memanggil tiga tajuk sebagai prosiding PAC iaitu: -

- Pertama, isu **Terimaan dan Bayaran di bawah Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara**. PAC akan memanggil KSU Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 14 Jun 2023 bagi mendapatkan penjelasan berkaitan kelemahan dalam terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran Skim Subsidi Harga Padi seperti berikut :-
  - i. Kerugian wang awam sebanyak RM37 Juta disebabkan dana obligasi tahun 2021 belum diterima;
  - ii. Pembayaran tidak teratur sebanyak RM0.73 juta iaitu bayaran Skim Subsidi Harga Padi kepada pesawah meninggal dunia;
  - iii. Pembekal jentera tidak menepati jadual yang menyebabkan kerugian sebanyak RM 3.12 juta; dan
  - iv. Pembaziran sebanyak RM0.87 juta bagi jentera belum digunakan dan telah rosak.
  
- Kedua, **Pengurusan Wabak Covid-19**. PAC telah mengambil keputusan untuk memanggil KSU Kementerian Kesihatan dan KSU Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 15 Jun 2023 bagi meneliti perkara-perkara seperti berikut :-
  - i. Sejumlah 1.1 juta dos vaksin telah luput tempoh jangka hayat setakat 30 April 2022;
  - ii. 93 Unit Ventilator tidak dapat digunakan daripada 136 unit ventilator yang diperoleh; dan
  - iii. Nisbah penggunaan boot cover dan protective suit/coverall berbanding baki stok adalah sebanyak 2.2% dan 3.1% dengan baki sebanyak 3.08 juta dan 0.84 juta pasang masing-masing.
  
- Ketiga, **FELCRA Berhad** di mana Kedudukan Kewangan tidak dapat dirumuskan susulan Penyata Kewangan Beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021 belum dimuktamadkan. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, KSU Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad akan dipanggil pada 27 Jun 2023 dalam prosiding ini.

- 10) Selain itu, PAC juga akan mendapatkan taklimat berkenaan Program Jana Wibawa daripada Kementerian Kewangan.

**Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan**

- 11) Pada pagi ini, saya telah berjumpa dengan YB Amira Aisya dan Saudara Amir Hadi daripada Parti MUDA berkenaan memorandum yang menuntut agar Kerajaan Malaysia menjalankan siasatan lebih serius terhadap isu LCS.
- 12) Sukacita dimaklumkan PAC Parlimen ke-15 akan memulakan Lawatan Kerja ke Pangkalan TLDM Lumut, Perak pada hari Sabtu ini dan memulakan Prosiding Perkembangan Kemajuan Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua *Littoral Combatant Ship* (LCS) milik TLDM.
- 13) Mengambil syor daripada PAC penggal Keempat Belas yang mahu Kementerian Pertahanan membentangkan perkembangan terkini kepada PAC setiap tiga (3) bulan, PAC Parlimen penggal Kelima Belas akan membentangkan Laporan Kemajuan LCS ini setiap 3 bulan di Dewan Rakyat. Bagi laporan kali ini, ia akan menyentuh kemajuan pembinaan yang dicapai dari Oktober 2022 sehingga Mei 2023.

**Prosiding Terbuka PAC**

- 14) Seterusnya, ingin saya ulang sekali lagi yang prosiding PAC perlu dilakukan secara terbuka. Saya percaya ini selaras dengan agenda reformasi institusi yang dilaungkan oleh pihak Kerajaan Madani.
- 15) Saya juga telah dimaklumkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Parlimen ke-15 berkongsi harapan yang sama dengan saya dan telah membangkitkan perkara ini semasa pertemuan mereka dengan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
- 16) Besarlah harapan saya agar prosiding secara terbuka ini dapat dimulakan pada tahun depan agar rakyat dapat melihat bahawa kesemua prosiding PAC dijalankan dengan telus, berakauntabiliti dan berkredibiliti sekali gus meningkatkan kepercayaan terhadap proses demokrasi di negara ini.

- 17) Saya percaya bahawa pihak pentadbiran Parlimen Malaysia telah bersiap sedia dan mempunyai kemampuan daripada segi sumber manusia dan peralatan IT untuk menjalankan prosiding secara terbuka.

### **Kekosongan Jawatan Ketua Audit Negara**

- 18) Saya juga ingin menyentuh mengenai kekosongan jawatan Ketua Audit Negara yang saya telah bangkitkan di dalam Dewan Rakyat pada hari Selasa lalu kerana jawatan penting ini masih belum diisi selama empat bulan setelah YBhg. Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid tamat kontrak pada Februari yang lepas.
- 19) Isu utama mengenai kekosongan jawatan Ketua Audit Negara ini ialah apabila Ketua Audit Negara tiada, Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dibentangkan hanya Ketua Audit Negara yang boleh mengemukakan laporannya kepada Yang Dipertua Agong yang memperkenankan Laporan berkenaan dibentangkan di Dewan Rakyat selaras dengan Perkara 107 (1) Perlembagaan Persekutuan.
- 20) Antara Laporan Ketua Audit Negara yang tidak dapat dibentangkan di Dewan Rakyat pada Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat kali ini ialah Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 dan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Agensi Persekutuan Tahun 2021.
- 21) Disebabkan itu dijangka dibawa ke Mesyuarat Ketiga pada Oktober depan. Perkara ini akan turut membebankan Jabatan Audit Negara dan PAC kerana banyak laporan yang perlu diteliti dan disiasat.

### **Pelantikan Ketua Audit Negara**

- 22) Saya juga ingin menekankan bahawa Kerajaan perlu melantik Ketua Audit Negara yang mempunyai latar belakang Perakaunan dan Pengauditan bagi memberi nilai tambah pada Jabatan Audit Negara dalam melaksanakan pengauditan secara profesional.
- 23) Lantikan mantan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian sebagai Ketua Audit Negara perlu dielakkan walaupun justifikasi pelantikan mantan KSU disebabkan mereka tahu mengenai

selok-belok pentadbiran awam tetapi adalah lebih baik Ketua Audit Negara mempunyai latar belakang profesional dalam bidang kewangan atau pengauditan.

### **Tambahan Peruntukan Kewangan kepada Jabatan Audit Negara**

- 24) Di samping itu, Jabatan Audit Negara mempunyai kekurangan daripada segi kewangan memandangkan peruntukan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan tidak mencukupi. Perkara ini merencatkan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara ditambah pula dengan langkah Parlimen untuk membahaskan usul Laporan Ketua Audit Negara.
  
- 25) Justeru, saya berharap kerajaan akan meneliti perkara-perkara ini agar proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara dapat ditambah baik.

### **Sidang Media setiap hari Khamis**

- 26) Akhir kata, kami di PAC akan terus menjalankan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan ini dan akan mengadakan sidang media setiap hari Khamis semasa persidangan Dewan Rakyat bagi Parlimen ke-15.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Samsudin  
Pengerusi PAC Parlimen